



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

11hb April 2002

No. 8

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

No. 341.

PERLANTIKAN MAJISTRET KELAS SATU

APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948, Pihak Berkuasa Negeri, dengan sokongan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik En. Azuar bin Che Yusof dan En. Mohd Mokhzani bin Mokhtar sebagai Majistret Kelas Satu di dalam dan bagi Negeri Pahang mulai dari 16 Januari 2001.

Bertarikh di Kuantan 31 Mei 2001.
[SUK. Phg. 004/5/6/1 Jd. 2.]

HARON BIN HAJI ABDUL KADER,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang

In exercise of the powers conferred by paragraph 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948, the State Authority, on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointed En. Azuar bin Che Yusof and En. Mohd Mokhzani bin Mokhtar to be First Class Magistrates in and for the State of Pahang with effect from 16 January 2001.

Dated at Kuantan 31 May 2001.
[SUK. Phg. 004/5/6/1 Jd. 2.]

HARON BIN HAJI ABDUL KADER,
Clerk of Council,
State of Pahang

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 342.

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Asal diakui telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—1108. Jenis dan No. Hakmilik—GM 10451. Luas—2 ekar 35 pole.

Bertarikh 6 Mac 2002.
[PTK. 4.4.1.2006.]

ABDUL AZIZ BIN MD. YUSOF,
Pendaftar/Pemungut Daerah,
Kuantan

No. 343.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Asal DHKK HSM 885 Mukim Tg. Besar telah didapati hilang daripada simpanan.

JADUAL

Mukim—Tg. Besar. No. PT.—811. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 885. Luas—0.84 hektar.

Bertarikh 20 Mac 2002.
[PTL. Pen. 15/013/2002.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Lipis

No. 344.

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ravi a/l Subramaniam & Muniamah a/p Munisamy, yang beralamat Ladang Sungai Kawang, 28500 Lanchang, Pahang Darul Makmur, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang Darul Makmur pada hari Rabu bersamaan 19 Jun 2002 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Semantan Daerah Temerloh. No. PT—3001. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 2434. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian—Pers. 1855/1999. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 6 Mac 2002.
[PTT. 369/26/2001.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Temerloh

No. 345.

Kepada Afifah binti Ramli, yang beralamat 45 Jalan USJ 2/5F, Subang Jaya, 47600 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang Darul Makmur pada hari Rabu bersamaan 26 Jun 2002 jam 10.15 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—219 Sek. 6. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 603. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian—Pers. 585/2000 dan Pers. 586/2000. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 11 Mac 2002.
[PTT. 369/8/2002.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Temerloh

No. 346.

(Sections 257 and 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF THE CHARGEES

I, Shamsudin Sah bin Mohd Said, Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Rompin in exercise of the powers conferred by section 257/263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land/undivided share in the land described in the Schedule below;

And I further order—

- (a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 18 June 2002 at 10.00 a.m. in Rompin Land Office, Pahang Darul Makmur,
 - (b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM46,000.00 (In words—Forty Six Thousand Ringgit).
2. I find that the amount due to the chargee at this date is RM30,000.23.
- Name of Chargee Malayan Banking Berhad
3. The sale shall be subject to the following conditions:
 - (a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1(b) above RM4,600.00 (in words Four Thousand and Six Hundred Ringgit);
 - (b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;
 - (c) where the full amount of the purchase price is not paid after the fall of the hammer by the successful bidder—
 - (i) then the sum specified in paragraph (a) shall be paid to the chargee and it shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and
 - (ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in sub-paragraph (i) shall be credited into the account of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee;
 - (d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days from the date of the sale, that is, not later than the 16 October 2002 and there shall be no extension of the period so specified; and
 - (e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (d), the sum paid as deposit under paragraph (c) to the chargee shall be forfeited and disposed of in the manner specified under section 267.

SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Rompin. No. PT.—2117. Description and No. of Title—HS(M) 1554. Share of Land (if any)—Whole Share. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No: 148/1992, Jil. 18, Fol. 16.

Dated 18 March 2002.
[PTRom 4/2/0234/2001.]

District Land Administrator,
Rompin

No. 347.

(Seksyen 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Syed Mohd Nor bin Syed Jaafar, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Sabtu 29 Jun 2002 jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM75,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM38,109.36.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sabai. No. P.T.—2105. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1186. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 534/87, Jil. 27, Fol. 74, Pers. 184/88, Jil. 28, Fol. 50 & Pers. 679/88, Jil. 29, Fol. 78. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Mac 2002.
[P.T. Btg. 5/S/332.]

SYED MOHD NOR BIN SYED JAAFAR,
Pentadbir Tanah Daerah,
Bentong

No. 348.

Saya, Syed Mohd Nor bin Syed Jaafar, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Isnin 10 Jun 2002 jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM100,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM67,492.12.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. Lot—8513. Jenis dan No. Hakmilik—GM 363. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 1182/96, Jil. 54, Fol. 79. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 6 Mac 2002.
[P.T. Btg. 5/B/339.]

SYED MOHD NOR BIN SYED JAAFAR,
Pentadbir Tanah Daerah,
Bentong

No. 349.

Saya, Wan Kamaludin bin Wan Mustafa (KP. 0938281) Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelongan awam, yang akan diadakan pada 4 September 2002 bersamaan hari Rabu pukul 10.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM34,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM22,935.58.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Jenderak Daerah Temerloh. No. Lot—4307. Jenis dan No. Hakmilik—GM 742. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 2044/1996, Jil. 118, Fol. 3. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 11 Mac 2002.
[PTT: 369/37/2001.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Temerloh

No. 350.

Saya, Mohd Isa bin Awang Chik, Penolong Pentadbir Tanah, Maran setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puashati bahawa tiada apa-apa yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 20 Jun 2002 jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu untuk HS(M) 3077 P.T. 4709 Mukim Luit ialah RM32,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Dua Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM20,013.74 (22 Januari 2002).

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Luit. No. P.T.—4709. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 3077. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 1019/96, Gadaian: Jil: 29, Fol: 93. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Mac 2002.
[PTM: 13-3-0410.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Maran

NOTIS AM**No. 351.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 255)

TUNTUTAN UNTUK PEMBAYARAN WANG POKOK

Kepada Cheng Kam Thai yang beralamat di B-53 Jalan Bahagia, 28000 Temerloh, Pahang Darul Makmur penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya wang pokok yang dijaminkan oleh gadaian sejumlah RM126,718.36 setakat 19 Mac 2001 adalah kena dibayar apabila diminta.

Saya, sebagai Pemegang Gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 255 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki pembayaran wang tersebut dengan segera.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah wang tersebut tidak dibayar dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis ini, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
PT.	H.S(M)				
Mukim Perak	3254	2588	Semua	Tiada	No. Pers. 264-2000 Jil: Fol:
Daerah Temerloh					

(Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 16 April 2001.

Pemegang Gadaian,
Malayan Banking Berhad (3813-K),
Cawangan Temerloh,
28000 Temerloh

Hakcipta Pencetak (H)**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA